

Implikasi Marad Al-Mawt ke atas Akad Hibah

Implications Of Marad Al-Mawt Over Hibah Agreement

NOOR LIZZA MOHAMED SAID, Universiti Kebangsaan Malaysia
ADNAN MOHAMED YUSOFF, Universiti Sains Islam Malaysia

Received: October 9, 2020 Accepted: November 23, 2020 Online Published: December 15, 2020

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

ABSTRAK

Merancang dan mengurus harta yang dimiliki adalah amalan yang digalakkan dalam Islam bagi menjamin kesejahteraan kehidupan diri, keluarga, kaum kerabat dan masyarakat Islam umumnya. Hibah adalah salah satu bentuk instrumen yang dapat memenuhi kehendak pemilik harta dalam merancang pelupusan harta kepada individu atau pihak lain yang dikehendakinya berkuat kuasa ketika hidup selain daripada instrumen wakaf dan sedekah. Namun begitu, marad al-mawt menjadi salah satu sekatan yang menyebabkan hibah tidak dapat dilaksanakan sebagaimana yang dikehendaki oleh pemilik harta. Apakah yang dimaksudkan dengan marad al-mawt dan bagaimanakah pandangan fuqaha dalam membincangkan isu ini? Justeru, artikel ini bertujuan untuk membincangkan ciri-ciri marad al-mawt dari perspektif fuqaha dan undang-undang bertulis di Malaysia. Pandangan dan hujahan fuqaha dianalisis bagi melihat implikasi marad al-mawt ke atas akad hibah yang dibuat oleh pemilik harta serta hikmah di sebalik sekatan tersebut. Kajian mendapati, Islam telah mensyariatkan hibah sebagai salah satu instrumen perancangan dan pengurusan harta bagi memenuhi keperluan hifz al-mal. Ia perlu dilaksanakan ketika pemilik harta berada dalam keadaan sihat fizikal dan mental. Sekatan hibah ketika marad al-mawt menjadikan akad hibah yang dibuat tertakluk kepada hukum wasiat bertujuan untuk menjaga hak waris-waris pemilik harta selaras dengan keperluan hifz al-mal dalam maqasid syariah.

Kata kunci: Hibah, wasiat, marad al-mawt, perancangan dan pengurusan harta, hifz al-mal.

ABSTRACT

Planning and managing property is highly encouraged practice in Islam to guarantee the well-being of one's life, family, race and Islamic community. Hibah is one form of instruments that is able to meet the owner's desires in planning property disposal to an individual or other trusted party during lifetime instead of instruments of wakaf and donation. However, marad al-mawt has become one of hindrance that can cause hibah unable to be implemented as desired by the owner of the property. What is meant by marad al-mawt and how fuqaha's views in discussing this issue? Thus, the purpose of this article is to discuss on the characteristics of marad al-mawt from the perspective of fuqaha and the written laws in Malaysia. The perspective and argument of fuqaha are analysed to identify the implications of marad al-mawt on hibah agreement that has been done by the owner of the property and the advantages beyond the mentioned limitation. The research has discovered that Islam has stated hibah as one of the instruments in property planning and management to fulfil the needs of hifz al-mal. It needs to be implemented when the owner of the property is deemed to be fit physically and mentally. The restriction of hibah during marad al-mawt will cause the hibah solemnization to subjected to the rules of wasiat in order to preserve the rights of the descendants of the inherited property as it is in line with the needs of hifz al- mal in maqasid syar'iah.

Keywords: Hibah, will, marad al-mawt, property planning and management, hifz al-mal.

PENGENALAN

Hibah merupakan salah satu instrumen perancangan dan pengurusan harta yang diamalkan oleh masyarakat Islam di negara ini. Ia adalah suatu akad pemberian harta seseorang kepada pihak lain secara sukarela yang berkuatkuasa ketika hidup. Ia merupakan amalan yang digalakkan dalam Islam yang mendapat ganjaran pahala jika melakukannya dan tidak berdosa jika meninggalkannya terutama jika ia

diberikan kepada kaum kerabat, jiran tetangga dan sahabat handai sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

وَمِنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلِيَكُمْ جَارِه

Maksudnya: Ba'angsiaapa yang beriman dengan Allah SWT dan Hari Akhirat maka dia hendaklah memuliakan jirannya. (Muslim t.th)

Pemberian hibah kepada kaum kerabat dan jiran merupakan salah satu cara memuliakan mereka. Ia merupakan salah satu daripada bukti keimanan

seseorang kepada Allah SWT dan Hari Akhirat kerana dengan pemberian hibah akan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama mereka. Allah SWT telah menggalakkan hambaNya supaya mengeratkan hubungan silaturahim sebagaimana firmanNya dalam surah al-Nisa' ayat 1:

وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامُ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رِقْبَا

Maksudnya: Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.

Pensyariatan hibah memberi kebaikan kepada manusia bagi mewujudkan masyarakat ideal dan harmoni yang hidup berlandaskan semangat kasih sayang dan saling berhubung rapat di antara satu sama lain. Hibah menjadi salah satu cara mewujudkan keharmonian dan kemesraan dalam masyarakat dengan menyemai budaya saling hormat menghormati dan berkasih sayang sesama mereka. Sabda Rasulullah SAW:

تَحَمَّلُوا تَحْمِيلَهُمْ

Maksudnya: Saling memberi hadiahlah kamu, nescaya kamu akan saling menyayangi. (al-Bayhaqi 1994)

Bagi merancang dan menguruskan harta menggunakan instrumen hibah, rukun dan syarat sah hibah perlu dipenuhi. Rukun hibah terbahagi kepada penghibah, penerima hibah, harta yang dihibah dan *sighah* iaitu lafadz *ijab* daripada penghibah dan lafadz *qabul* daripada penerima hibah. Fuqaha mensyaratkan penghibah seorang yang berakal, baligh, tidak dipaksa, pemilik harta dan berada dalam keadaan sihat ketika melakukan akad hibah. Seseorang yang berada dalam keadaan sakit yang tidak dikategorikan sebagai *marad al-mawt* adalah sah seperti hibah orang yang sihat. Justeru bagaimana kedudukan akad hibah yang dibuat oleh seseorang yang sedang *marad al-mawt*? Artikel ini akan membincangkan ciri-ciri *marad al-mawt* dari perspektif fuqaha dan undang-undang bertulis di negara ini serta implikasi *marad al-mawt* ke atas akad hibah yang dibuat oleh pemilik harta.

MARAD AL-MAWT MENURUT PANDANGAN FUQAHÀ DAN UNDANG-UNDANG

Marad al-mawt adalah dua perkataan daripada Bahasa Arab iaitu *marad* (مرض) yang bererti sakit dan *al-mawt* (الموت) yang bererti mati iaitu sakit yang kebiasaannya membawa kepada kematian. Maksud sebenar istilah *marad al-mawt* dapat dilihat melalui ciri-ciri *marad al-mawt* yang ditetapkan oleh fuqaha dan ditafsirkan dalam undang-undang bertulis di negara ini. Menurut al-Zuhayli (1989) makna *marad al-mawt* mestilah meliputi dua perkara iaitu kebiasaanya berlaku kebinasaan dan ia disusuli dengan kematian termasuklah peristiwa atau kemalangan lain seperti pembunuhan, kebakaran, lemas atau selainnya.

Al-Zuhayli (2007) menukarkan ciri-ciri *marad al-mawt* sebagaimana yang terkandung dalam Perkara 1595 *Majallah al-Ahkām al-‘Adliyyah* ialah:

- a) Sakit yang kebiasaannya membawa kepada kematian.
- b) Sakit itu boleh melemahkan seorang lelaki daripada melakukan tugas atau pekerjaan yang biasa dilakukan di luar rumah seperti bekerja, dan melemahkan seorang perempuan daripada melaksanakan tugas atau pekerjaan yang biasa dilakukan di dalam rumah seperti memasak dan mengemas.
- c) Pesakit itu mati dalam keadaan sedemikian sebelum berlalu masa setahun. Tidak disyaratkan pesakit terlantar atas tilam atau tidak mampu menguruskan dirinya dan tidak disyaratkan juga dia hanya duduk di rumah. Sekiranya keadaan sakit tersebut berterusan dan telah berlalu masa setahun, maka hukumnya sama seperti orang sihat, segala urusannya (*taṣarruf*) sama seperti urusan orang sihat selagi sakit itu tidak bertambah berat dan tidak berubah keadaannya. Sekiranya penyakit itu bertambah berat (serius) dan keadaannya telah berubah dan dia mati dalam keadaan sedemikian, maka dianggap *marad al-mawt* bermula dari pertambahan dan peningkatan sakit tersebut walaupun berterusan melebihi setahun.

Ciri-ciri *marad al-mawt* dalam Perkara 1595 *Majallah al-Ahkām al-‘Adliyyah* selaras dengan tafsiran *marad al-mawt* dalam Seksyen 2 Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Pahang) 2017 sebagai sesuatu penyakit yang dideritai secara berterusan oleh *musi* dalam tempoh tidak lebih daripada satu tahun yang menyebabkan kematianya. Begitu juga dalam Seksyen 2 Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) (Pindaan) 2016 dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sabah) 2018 *marad al-mawt* ditafsirkan sebagai suatu penyakit yang boleh membawa maut yang memenuhi syarat-syarat berikut:

- a) Penyakit itu pada lazimnya berakhir dengan kematian;
- b) penyakit itu menyebabkan keimbangan kematian dalam minda pesakit sehingga boleh menjasakan kewarasan akal fikiran;
- c) hendaklah terdapat beberapa tanda luaran yang menunjukkan bahawa penyakit itu merupakan suatu penyakit yang serius; dan
- d) penyakit itu dideritai secara berterusan dalam tempoh tidak lebih daripada satu tahun.

Daripada tafsiran tersebut dapat difahami bahawa ciri-ciri *marad al-mawt* ialah suatu penyakit yang menyebabkan kematian atau satu keadaan seseorang yang sedang berada dalam keadaan sakit tenat yang boleh membawa kepada kematian dan keadaan itu berlaku dalam jangka masa tidak lebih daripada setahun. Sekiranya sakit itu berterusan melebihi tempoh setahun maka ia tidak dianggap sebagai *marad al-mawt*. Namun begitu, dalam keadaan sakit itu bertambah berat melebihi tempoh setahun sehingga meninggal dunia kerana sakit yang dideritainya itu

maka sakit itu dianggap sebagai *marad al-mawt*. Kesan daripada penyakit itu, pesakit pada zahirnya kelihatan sedang menderitai penyakit yang serius dan penyakit yang dideritai itu mengganggu fikiran pesakit sehingga pesakit tidak lagi mampu memikirkan atau menguruskan hal di sekelilingnya bahkan dalam fikirannya hanya memikirkan tentang sakit yang dideritai dan kematian yang akan dihadapinya. Penyakit itu boleh melupakan pesakit daripada melihat keseronokan dan kepentingan yang bersifat keduniaan. Walau bagaimanapun, gangguan fikiran yang dialami itu tidak sampai tahap pesakit hilang ingatan yang boleh menyebabkan gugur kelayakan untuk bertasarruf.

Justeru kesan daripada *marad al-mawt* ini, pesakit tidak lagi melihat kepentingan dan keperluan harta yang dimilikinya untuk disimpan bagi keperluan hidupnya pada masa akan datang kerana dalam fikirannya kematian akan berlaku dalam waktu yang terdekat disebabkan penyakit yang dideritainya itu. Bahkan pesakit melihat kepada keperluan harta yang dimilikinya itu dipindah milik kepada pihak lain yang dia kehendaki sebelum berlaku kematian. Pindah milik tersebut boleh dilaksanakan melalui instrumen wakaf, sedekah, hibah ataupun wasiat dan diberikan sama ada kepada waris atau kepada bukan waris pesakit. Ianya boleh berlaku sama ada dengan tujuan untuk memberikan hartanya kepada waris tertentu dengan menafikan hak waris-waris lain mewarisi harta pusaka selepas kematiannya atau dengan tujuan sebaliknya. Ia juga boleh dibuat dengan tujuan untuk memberikan keseluruhan atau sebahagian hartanya kepada pihak-pihak tertentu untuk kebaikan bagi menjadi saham akhiratnya kelak. Walau apa pun niat pesakit *marad al-mawt* ketika melakukan pindah milik harta kepada pihak lain, fuqaha telah membincangkan isu ini berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w bagi menjaga kemaslahatan pemilik harta dan waris-warisnya. Al-Bukhari (1987) meriwayatkan daripada Sa'ad bin Abi Waqqas beliau berkata:

جاء النبي صلى الله عليه وسلم يعودني وأنا بعكة، وهو يكره أن يموت بالأرض التي هاجر منها وقال: برحم الله ابن عفراء، قلت: يا رسول الله أوصي بمالي كله؟ قال: لا، قلت: فالشطر؟، قال: لا، قلت: الثالث؟، قال: الثالث، والثالث كثير، إنك أن تدع ورثتك أغنياء خير من أن تدعهم عالة يتذمرون الناس في أيديهم وإنك مهما أنفق من نفقة فإنها صدقة حتى اللقمة ترفعها إلى في أمرأتك، وعسى الله أن يرفعك فينتفع بك ناس ويضربك آخرون، ولم يكن له يومئذ إلا ابنته.

Maksudnya: Nabi Muhammad SAW menjengukku ketika aku berada di Makkah, sedang baginda tidak suka meninggal dunia di negeri asal hijrah (Makkah). Baginda bersabda: "Semoga Allah merahmati putera 'Afra'. Aku berkata: "Wahai Rasulullah SAW, aku berwasiat dengan hartaku kesemuanya." Jawab baginda: "Jangan". Aku berkata: "Separuh dari hartaku". Jawab baginda lagi: "Jangan". Aku berkata lagi: "Satu pertiga dari hartaku". Sabda Rasulullah SAW: "Satu pertiga, maka satu pertiga itu adalah banyak, sesungguhnya

sekiranya kamu meninggalkan waris kamu dalam keadaan kaya adalah lebih baik daripada kamu meninggalkan mereka dalam kekafiran yang meminta-minta daripada orang lain (meminta sedekah). Dan sesungguhnya ketika kamu memberikan suatu nafkah maka nafkah itu adalah satu sedekah, hingga suapan yang kamu hulurkan ke mulut isteri-isteri kamu. Dan semoga Allah memanjangkan umur kamu, maka orang lain (kaum musyrikin) mendapat kerugian sebab kamu". Dan waktu itu Sa'ad tidak mempunyai waris lain selain seorang anak perempuan.

Kepentingan waris-waris pesakit juga perlu dipelihara walaupun belum berlaku kematian kerana dalam keadaan seseorang yang sedang menderitai *marad al-mawt*, waris mempunyai hak ke atas harta yang dimiliki pesakit. Pengesahan seseorang itu menghidap penyakit *marad al-mawt* hendaklah dibuat oleh pihak yang berautoriti atau berkepakaran seperti doktor. Implikasi *marad al-mawt* ke atas akad pindahan milik harta itu berkuat kuasa selepas pengesahan tersebut.

Hukum *marad al-mawt* juga terlaksana dalam keadaan lain selain daripada sakit yang biasanya boleh membawa kepada kematian. Menurut al-Zuhayli (2007), dikategorikan juga sebagai *marad al-mawt* ialah keadaan atau situasi yang sangat berbahaya yang berisiko membawa kepada kematian walaupun tidak berada dalam keadaan sakit. Keadaan-keadaan tersebut seperti seseorang yang dijatuhkan hukuman bunuh ke atasnya, dipenjara kerana membunuh atau merampas harta orang lain, orang yang hampir lemas di lautan atau hampir mati dalam kebakaran, pejuang yang berada dalam barisan hadapan di medan perang dan perempuan hamil yang hampir melahirkan anak. Justeru situasi-situasi kritikal yang boleh membawa kepada kematian yang dihadapi oleh seseorang menjadikan hukum *marad al-mawt* terlaksana ke atasnya walaupun bukan berada dalam keadaan sakit tenat.

HUKUM AKAD HIBAH KETIKA *MARAD AL-MAWT*

Para fuqaha telah sepakat bahawa akad hibah sah sekiranya penghibah berada dalam keadaan sedar dan sihat (Ibn Rushd 1996; Ibn Qudamah t.th). Disyaratkan ke atas penghibah hendaklah seorang yang sihat akal fikirannya iaitu tidak gila atau hilang ingatan sewaktu akad hibah dilaksanakan dan juga disyaratkan berada dalam keadaan sihat tubuh badan. Justeru, bolehkah seseorang yang dalam keadaan *marad al-mawt* memindahkan atau memberikan keseluruhan atau sebahagian harta miliknya kepada individu lain atau pihak tertentu? Para fuqaha telah membincangkan masalah ini dan mereka berselisih pendapat tentang hukum akad hibah seseorang yang berada dalam keadaan *marad al-mawt*.

- a) Menurut jumhur fuqaha sekiranya penghibah berada dalam keadaan *marad al-mawt*, hanya 1/3 hartanya sahaja yang sah menjadi harta yang dihibah manakala selebihnya bergantung kepada

persetujuan waris-waris penghibah selepas kematiannya iaitu dengan mengambil hukum wasiat (Ibn Rushd 1996; Ibn Qudamah t.th). Mereka berhujah dengan sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ اللَّهَ تَصْدِقُ عَلَيْكُمْ عِنْدَ وَفَاتِكُمْ بِثُلُثِ أَمْوَالِكُمْ، زِيَادَةً لِكُمْ فِي أَعْمَالِكُمْ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah mengurniakan ke atas kamu ketika kematian kamu satu pertiga daripada harta kamu sebagai tambahan terhadap ganjaran amalan kamu. (Ibn Majah t.th)

Hadis ini menjelaskan bahawa seseorang itu tidak boleh menghibahkan harta yang dimilikinya melebihi kadar 1/3 bahagian ketika berada dalam keadaan sakit tenat dan kenyataan ini disokong dengan hadis Rasulullah SAW:

أَنْ رَجُلًا أَعْتَقَ سَتَةً مُلْوَكِينَ لَهُ ثُمَّ مُوْتَهُ لَمْ يَكُنْ لَهُ مَالٌ غَيْرُهُمْ فَدَعَا بَعْضَهُمْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَجَرَأُهُمْ أَثْلَاثٌ ثُمَّ أَقْعَدَ بَيْنَهُمْ فَأَعْنَقَ اثْنَيْنِ وَأَرْقَ أَرْبَعَةٍ

Maksudnya: Seorang lelaki telah membebaskan enam orang hamba yang dimilikinya kemudian dia meninggal dunia tanpa meninggalkan harta selain hamba-hamba yang telah dibebaskan. Maka Rasulullah s.a.w. memanggil hamba-hamba tersebut dan membahagikan mereka kepada satu pertiga. Kemudian mereka diundi dengan dua daripada mereka dibebaskan manakala empat daripada mereka kekal sebagai hamba (Muslim t.th).

- b) Fuqaha al-Zahiri pula berpendapat, hibah ke semua harta oleh penghibah ketika *marad al-mawt* adalah sah kerana keharusan hibah ketika sihat adalah sama hukumnya ketika *marad al-mawt* kecuali terdapat dalil dari al-Quran ataupun al-Sunnah menjelaskan hal tersebut (Ibn Rushd 1996).

Dalam masalah ini, pendapat jumhur fuqaha adalah lebih kepada menjaga kepentingan hak waris-waris penghibah (Noor Lizza 2014). Keadaan penghibah yang sedang sakit tenat atau *marad al-mawt* menjadi petunjuk bahawa kematian akan berlaku dalam jangka waktu yang terdekat dan harta yang bakal ditinggalkan akan menjadi hak waris-waris. Meninggalkan waris dalam keadaan berharta adalah lebih baik daripada meninggalkan mereka dalam keadaan meminta-minta daripada orang lain kerana tidak berharta sebagaimana saranan Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Sa'ad bin Abi Waqqas (al-Bukhari 1987). Rasulullah s.a.w juga melarang pemberian harta kepada pihak lain ketika dalam keadaan *marad al-mawt* melebihi 1/3 harta pusaka. Menurut al-Zuhayli (1989), menjadi hak waris ke atas 2/3 harta peninggalan pesakit *marad al-mawt* selepas diselesaikan hutang dan dilaksanakan wasiat sekiranya ada. Oleh itu, setiap transaksi harta seperti hibah, wakaf, sedekah dan wasiat oleh pesakit *marad al-mawt* yang tidak memudaratkan bahagian waris pesakit adalah sah dan berkuatkuasa tanpa boleh dihalang atau dibantah oleh sesiapa. Sekiranya transaksi yang dibuat ketika hidup pesakit memberi

mudarat atau mengambil hak waris iaitu 2/3 daripada harta pusaka pesakit, maka menjadi hak waris sama ada untuk bersetuju atau tidak hak mereka diambil.

Menurut Muhammad Yusof "Amr (2008), sekiranya seseorang itu menghibahkan hartanya ketika sedang menghidap penyakit *marad al-mawt*, maka terpakai hukum wasiat ke atas akad hibah tersebut. Seseorang yang sedang *marad al-mawt* tidak boleh menghibahkan hartanya kepada waris yang berhak mewarisi harta pusaka berdasarkan hukum wasiat kecuali mendapat keizinan daripada waris-waris lain ketika pemberian tersebut hendak dilaksanakan selepas kematian penghibah walaupun kadar harta yang dihibah kurang daripada 1/3 harta pusaka. Begitu juga hibah harta kepada bukan waris, persetujuan waris-waris penghibah diperlukan selepas kematian penghibah sekiranya kadar harta yang dihibahkan melebihi 1/3 harta pusaka penghibah. Justeru, sekiranya berlaku akad hibah kepada waris dan penghibah meninggal dunia selepas itu, terdapat dakwaan daripada waris-waris lain bahawa akad hibah tersebut berlaku ketika penghibah sedang *marad al-mawt* manakala penerima hibah mempertahankan bahawa hibah dibuat ketika penghibah berada dalam keadaan sihat, maka dalam situasi ini dakwaan penghibah sedang *marad al-mawt* perlu dibuktikan. Jika dakwaan tersebut dapat dibuktikan maka akad hibah yang telah dibuat kepada waris tertakluk kepada hukum wasiat yang memerlukan keizinan waris-waris lain untuk melaksanakan hibah tersebut.

Marad al-mawt juga dibincangkan oleh Mazhab Maliki sebagai salah satu sebab hibah yang telah dibuat oleh pemilik harta ketika berada dalam keadaan sihat akan terbatal apabila memenuhi tiga kriteria berikut (al-Zuhayli 2007):

- Penghibah sakit selepas akad hibah dilakukan;
- Penerima hibah tidak menerima milik harta yang dihibah; dan
- Bersambung sakit dengan kematian.

Penangguhan penerimaan milik harta yang dihibah oleh penerima hibah menyebabkan akad hibah terbatal sekiranya penghibah sakit *marad al-mawt* selepas akad hibah dibuat dan penyakit itu berakhir dengan kematian. Begitu juga akad hibah terbatal sekiranya penerimaan milik harta oleh penerima hibah dibuat ketika penghibah sedang *marad al-mawt* kerana syarat sah hibah menurut golongan ini ialah penerimaan milik harta yang dihibah hendaklah dilakukan ketika penghibah sihat. Oleh itu apabila berlaku kematian dalam situasi tersebut, maka harta yang telah dihibah akan menjadi harta pusaka yang perlu diagihkan mengikut hukum faraid. Namun begitu, sekiranya telah sempurna pemilikan harta yang dihibah oleh penerima hibah sebelum penghibah sakit atau sakit yang dihidapi oleh penghibah tidak menyebabkan kematian, maka hibah sah dan berkuatkuasa (al-Zuhayli 2007; Muhammad Yusof 2008).

Justeru, berdasarkan pandangan jumhur fuqaha, pemberian hibah ketika pemilik harta sedang *marad al-mawt* tidak menjadikan akad hibah itu terbatal tetapi tertakluk kepada hukum wasiat. Namun

sekiranya *marad al-mawt* yang dihidapi itu menyebabkan pemilik harta hilang ingatan ketika melakukan akad hibah, akad tersebut tidak sah dan tidak boleh dilaksanakan kerana seseorang yang hilang ingatan menyebabkan gugur hak untuk bertasarruf ke atas hartanya. Akad hibah yang berlaku ketika penghibah berada dalam keadaan *marad al-mawt* tertakluk kepada hukum wasiat iaitu:

- a) Hibah yang diberikan kepada bukan waris penghibah hendaklah tidak melebihi kadar 1/3 daripada harta peninggalan si mati (penghibah) kecuali lebihan itu mendapat keizinan daripada waris-waris penghibah.
- b) Pemberian hibah tidak sah kepada waris penghibah kecuali dengan izin waris-waris yang lain.
- c) Pemberian hibah yang berbeza-beza penerimanya dalam kalangan bukan waris ketika *marad al-mawt* hendaklah tidak melebihi kadar 1/3 dan sekiranya pemberian tersebut berlaku pada waktu yang sama ia dikira mengikut nisbah pemberian kecuali mendapat keizinan daripada waris-waris penghibah. Namun sekiranya pemberian tersebut berlaku pada waktu yang berbeza dan kadarnya melebihi 1/3 daripada harta peninggalan penghibah, maka penerima yang awal berhak ke atas pemberian tersebut dengan kadar 1/3 dan pemberian ke atas penerima kedua atau seterusnya adalah terbatas melainkan mendapat keizinan waris-waris penghibah.

AMALAN PERUNDANGAN DI MALAYSIA

Dalam konteks amalan perundangan di Malaysia, *marad al-mawt* menjadi sekatan hibah untuk dilaksanakan sebagaimana yang telah diakad ketika hidup pemilik harta namun adalah amat penting untuk dibuktikan bahawa pemilik harta semasa hidupnya ketika melafazkan akad hibah berada dalam keadaan *marad al-mawt* sebagaimana kes *Muhammad bin Awang dan lain-lain lwn Awang bin Deraman dan lain-lain* [2001] JH XIV(II). Perayu telah membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Qadhi Besar Negeri Kelantan yang dijatuhkan pada 2 November 1997 untuk membatakan pemberian hidup dua lot tanah di Mukim Maka dan Pasir Genda Daerah Kusial dan Mukim Tanah Merah Kelantan dengan alasan antaranya ialah pemberian tersebut berlaku dalam keadaan bapanya sedang uzur. Kedua-dua pihak bersetuju bahawa semasa pemberian berlaku, pemberi berada dalam keadaan uzur kerana mengidap penyakit lelah yang dihidapi sekian lama tetapi bukan berada dalam keadaan sakit tenat (*marad al-mawt*) dan ketika itu fikirannya masih waras. Mahkamah Rayuan Syariah dengan sebulat suara memutuskan bahawa rayuan perayu ditolak. Dalam kes ini, lelah bukan dikategorikan sebagai *marad al-mawt* yang menjadi sekatan kepada akad hibah. Lelah yang dihidapi pada zahirnya tidak menunjukkan bahawa pemberi berada dalam keadaan sakit tenat dan ia tidak mengganggu kewarasian akal fikiran pemberi kerana kemampuan

pemberi hadir ke Pejabat Tanah bersama defenden untuk proses pindah milik.

Manakala dalam kes *Abdul Wahid bin Dato' Hj. Abdul Rahim Gulam Rasool Shaik & Ors lwn Shariahbibi binti Ibrahim Mysoory & Ors* [1986] 2 MLJ 211, plaintif-plaintif telah memohon mahkamah supaya mengisyiharkan bahawa pemberian saham-saham dalam kilang mancis oleh Dato' Haji Abdul Rahim Gulam Rasool kepada empat orang defendant adalah tidak sah kerana semasa pemberian tersebut berlaku, si mati sedang mengalami sakit paru-paru. Plaintiff yang juga beneficiari kepada si mati dalam kes ini berhujah bahawa pemberian tersebut tidak sah berdasarkan doktrin *marad al-mawt*. Hakim Bicara telah memutuskan berdasarkan bukti dalam kes ini bahawa si mati mengetahui keadaan dirinya yang mengidap barah paru-paru dan sedar bahawa ia adalah penyakit yang serius serta boleh membawa kematian. Dalam keadaan tersebut, beliau memindahkan 298 daripada 300 sahamnya dalam Kelantan Match Factory kepada empat orang anak lelakinya tanpa mendapat keizinan waris-warisnya yang lain. Hakim juga mendapati bahawa penyakit itu bertambah serius sehingga ke saat kematianya. Dalam penghakimannya Hakim Bicara menyatakan (Mukhtar Abdullah 2016):

On the evidence I can only conclude that the deceased having known that he had cancer, and being aware that cancer was a very serious illness, believed that his death was imminent, and in contemplation of his death he had taken immediate action to transfer 298 of his 300 shares in Kelantan Match Factory to four of his sons without the consent of the other heirs his estate.

On the evidence, my finding is that there was no improvement in the health of the deceased. In fact his health continued to deteriorate till his death. I therefore find that when the deceased knew he had cancer, he was under apprehension of imminent death and that nothing had happened to him that would interrupt such apprehension from his mind until he died.

I also find that the deceased had transferred 298 of his 300 shares in Kelantan Match Factory Limited to the defendants to prevent the three plaintiffs who are his heirs, from making any claim to those shares upon his death. It is also a fact that the plaintiffs had never given their consent to the deceased to transfer those shares to the four defendants.

I would, therefore find that the transfers of the 298 shares in the Kelantan Match Factory by the deceased to the four defendants are void under the doctrine of marad al-mawt.

Dan dalam kes *Mustak Ahmed b. Dato' Hj. Abdul Rahim Gulam Rasool Shaik lwn Abdul Wahid b. Dato' Hj. Abdul Rahim Gulam Rasool Shaik & Ors* [1987] 2 MLJ 449, Hakim Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan perayu dengan menyatakan (Mukhtar Abdullah 2016):

- a) Si mati Dato' Hj. Abdul Rahim Gulam Rasool Shaik tidak berada dalam kebimbangan akan berlakunya kematian semasa hibah tersebut dibuat. Hal ini kerana sakit tersebut tidak melemahkan beliau daripada terus melakukan aktiviti hariannya. Walaupun sakitnya berterusan

- selama kurang daripada setahun, beberapa fakta menunjukkan bahawa beliau masih mempunyai masa yang cukup untuk menghapus atau mengurangkan kebimbangan terhadap kematian mengejut.
- b) Hibah tersebut tidak tertakluk kepada doktrin *marad al-mawt*. Oleh itu pemberian saham-saham tersebut adalah sah mengikut undang-undang Syariah.

Dakwaan penghibah berada dalam keadaan *marad al-mawt* perlu dibuktikan dengan terdapat beberapa tanda luaran yang menunjukkan bahawa penyakit itu merupakan suatu penyakit yang serius dengan tiada keupayaan melakukan tugas sehari-hari yang menjadi rutin sebelum sakit. Penyakit itu juga menyebabkan kebimbangan kematian dalam minda pesakit sehingga boleh menjasaskan kewarasan akal fikiran dengan dizahirkan dalam perbuatan yang tiada kecenderungan duniaawi.

Manakala dalam kes *Abdul Hamid Bin Masidullah lwn Norehan Binti Abdul Jabbar* (08000-001-0014-2018), Perayu tidak berpuashati dengan keputusan pengesahan hibah di Mahkamah Tinggi Syariah Ipoh. Hibah lisan yang dibuat oleh si mati Abdul Jabbar bin Masidullah kepada Responden Norehan Binti Abdul Jabbar ke atas harta dan semua kepentingannya yang didaftarkan sebagai GM 746, Lot 57645, Mukim Sungai Terap, Daerah Kinta, Negeri Perak yang beralamat di Lot 152, Kampung Tersusun, Taman Tasek Permai, 31000 Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan telah disahkan mengikut hukum syarak oleh Mahkamah. Pada 24/10/2016, Perayu telah menfaillkan rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Perak dengan mengemukakan 10 alasan antaranya berkaitan hibah yang dibuat si mati adalah semasa keadaannya sedang sakit *marad al-mawt* dan tidak mampu berfikir dengan waras. Walaupun Perayu menghujahkan hibah yang dibuat oleh Si mati adalah tidak sah kerana punca kematian Si mati akibat penyakit kanser yang dihidapinya dan semua waris-waris Si mati tidak bersetuju dengan pemberian tersebut, namun alasan dan hujahan tersebut ditolak oleh Hakim-hakim. Menurut Hakim-hakim Mahkamah Rayuan, setelah diperhalusi isu ini dan diteliti keseluruhan Rekod Rayuan, didapati alasan Perayu tersebut tidak dibangkitkan semasa perbicaraan di hadapan Yang Arif Hakim Bicara untuk ditentukan persoalan tersebut. Justeru alasan Perayu ini merupakan satu tambahan fakta baru yang dikemukakan.

Menurut undang-undang, beban membuktikan sama ada Si mati memberikan hibah dalam keadaan *marad al-mawt* adalah terletak ke atas pihak yang menuntut mengikut peruntukan di bawah seksyen 80 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004:

Beban membuktikan apa-apa fakta yang perlu dibuktikan untuk membolehkan mana-mana orang memberikan keterangan mengenai apa-apa fakta yang lain, terletak pada orang yang berhasrat memberikan keterangan itu.

MISALAN

- (a) *A berhasrat untuk membuktikan marad al-maut yang dibuat oleh B.*
A mestilah membuktikan marad al-maut itu dan kematian B.
- (b) *A berhasrat untuk membuktikan dengan keterangan sekunder kandungan suatu dokumen yang telah hilang.*
A mestilah membuktikan bahawa dokumen itu telah hilang.

Oleh itu, pihak yang menuntut adalah terikat untuk membuktikan bahawa ketika akad hibah dibuat, penghibah berada dalam keadaan *marad al-mawt*.

KESIMPULAN

Perancangan dan pengurusan harta yang dimiliki perlu dilaksanakan segera bukan sahaja ketika pemilik harta sihat akal fikiran bahkan juga ketika sihat tubuh badan sebelum disahkan menghidap penyakit yang boleh membawa kepada kematian atau berada dalam situasi yang berisiko kepada kematian. Pindahan milik harta melalui hibah biasanya bertujuan untuk memberikan harta tertentu kepada individu atau pihak tertentu berdasarkan kehendak dan kemauan pemilik harta ketika hidupnya. Namun tujuan tersebut disekat daripada dilaksanakan sebagaimana yang dikehendaki sekiranya pemberian dilakukan ketika pemilik harta sedang *marad al-mawt*.

Marad al-mawt memberi implikasi ke atas pemberian harta yang dibuat melalui akad hibah. Perubahan hukum daripada hibah kepada wasiat menghadkan kadar harta yang diberikan hanya 1/3 daripada harta pusaka pemilik harta dan diberikan kepada bukan waris melainkan mendapat keizinan daripada waris-waris lain selepas kematian pemilik harta. Walau bagaimanapun, jika penghibah itu hidup atau sembah dari penyakit yang dihidapinya maka pemberian itu tertakluk kepada hukum hibah yang tiada had kadar harta dan boleh diberikan kepada sesiapa sahaja termasuk waris tanpa perlu mendapat keizinan daripada waris-waris lain.

Hikmah di sebalik penetapan hukum wasiat ke atas akad hibah ketika *marad al-mawt* adalah bagi menjaga hak waris-waris dalam harta pusaka peninggalan pesakit dan ia bertepatan dengan maqasid syariah *hifz al-mal*. Dalam keadaan seseorang itu berada di ambang kematian, terdapat hak waris ke atas hartanya sebanyak 2/3. Justeru apa-apa pelupusan harta melalui transaksi atau akad secara sukarela (*tabarru^c*) yang dilakukan oleh pesakit *marad al-mawt* akan tertakluk kepada hukum wasiat.

RUJUKAN

- Al-Quran
al-Bayhaqi, Ahmad bin al-Husin. 1414H/1994M. *Sunan al-Bayhaqi al-Kubra*. Juz. 6. Mekkah: Maktabah Dar al-Baz.
al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1407H/1987M. *Sahih al-Bukhari*. Cet.3. Beyrut: Dar Ibn Kathir.

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004
Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) (Pindaan) 2016
Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Pahang) 2017
Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sabah) 2018
Ibn Rushd, Muhammad bin Ahmad. 1416H/1996M.
Bidayah al-Mujahid wa Nihayah al-Muqtasid. Jil. 5.
Beyrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
Ibn Qudāmah, Ḥabd Allah bin Ahmad. t.th. *al-Mughni*. Juz.
6. Beyrut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi.
Jurnal Hukum. 2001. Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah
Malaysia. X1V(II): 165.
Muhammad Yusof ḤAmr. 2008. *Al-Mirath wa al-Hibah
Dirasah Muqaranah*. ḤAmman: Dar al-Hamid.

Mukhtar Abdullah. 2016. *Aplikasi & Tuntutan Hibah di
Mahkamah Syariah di Malaysia*. Kuala Terengganu:
Mukhtar Bin Abdullah.

Muslim bin al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Beyrut: Dar Ihya’
al-Turath al-‘Arabi.
Noor Lizza Mohamed Said. 2014. Analisis Fiqah terhadap
Undang-undang Hibah dan Wasiat di Negara-negara
Islam. Ph.D Thesis. Jabatan Syariah. Universiti
Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor D. E.
Ibn Majah, Muhammad bin Yazid al-Qazwini. t.th. *Sunan
Ibn Majah*. Beyrut: Dar al-Fikr.
al-Zuhayli, Wahbah. 1989. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*.
Cet.3. Damshiq: Dar al-Fikr.
al-Zuhayli, Wahbah. 2007. *Al-Uqud al-Musamah fi Qanun
al-Mua‘amalat al-Madaniyah al-Imarati wa al-Qanun
al-Madani al-Urduni*. Beyrut: Dar al-Fikr al-Ma‘asir.

Noor Lizza Mohamed Said
lizza@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA

Adnan Mohamed Yusoff
adnan@usim.edu.my
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia,
MALAYSIA

JOURNAL OF CONTEMPORARY ISLAMIC LAW (2020) 5(2)

KANDUNGAN / CONTENTS

Peranan Mediator Faktor Kewangan Terhadap Penentu Pembayaran Sewaan Premis Komersial Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang <i>The Role of The Financial Factor as The Mediator on The Determinant of Wakaf Commercial Premise Rental Payment Under Penang State Islamic Council</i> Mohammad Syukri Jalil, Mohd Sabri Abd Ghafar, Azarudin Awang	1-21
Implikasi Marad Al-Mawt ke atas Akad Hibah Implications of Marad Al-Mawt Over Hibah Agreement Noor Lizza Mohamed Said, Adnan Mohamed Yusoff	22-28
Pelaksanaan Kontark Muamalat oleh Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) Buta dalam Sistem Kewangan Islam <i>The Implementation of Muamalat Contract by Disabled Person in Islamic Financial System</i> Ruzian Markom, Mohamad Anwar Zakaria, Azman Ab Rahman	29-41
Fungsi dan Tanggungjawab Pegawai Syariah dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI 2013) <i>Function and Responsibility of Sharia Officer in Islamic Financial Services Act (IFSA 2013)</i> Mat Noor Mat Zain, Najihah Ali, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	42-52
Kawalan Undang-undang Terhadap Pembinaan Rumah Ibadat di Malaysia <i>Legal Controls Towards Construction of Houses of Worship in Malaysia</i> Nurul Faezah Md Ahair, Zuliza Mohd Kusrin	53-64
Garis Panduan Kontrak Derivatif Berasaskan Syariah <i>Guideline of Derivative Contract Based on Syariah</i> Mohd Hafiz Mohd Dasar, Azlin Alisa Ahmad, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	65-76
Keperluan Deklarasi Hibah dan Kekangannya dalam Perancangan Harta Orang Islam <i>The Need for Hibah Declarations and Its Constraints in Property Planning of Muslims</i> Rosmiza Ismail, Salmy Edawati Yaacob, Mohd Zamro Muda	77-83
Datin Dr. Siti Zalikhah Md Nor: Biografi dan Sumbangan dalam Perkembangan Undang-Undang Islam di Malaysia <i>Datin Dr. Siti Zalikhah Md Nor: Biography and Contributions in The Development of Islamic Law in Malaysia</i> Aniqah Binti Azmi, Zuliza Mohd Kusrin	84-90
دور الإدارة اللامركزية في محاربة الفساد الإداري من منظور إسلامي إدارة القضاء في خلافة عمر بن عبد العزيز نموذجاً: دراسة تحليلية <i>The Role of Decentralized Management in Combating Maladministration from Islamic Perspective: An Analytical Study on Judicial Administration of Caliphate 'Umar Ibn Abd al-'Aziz</i> Jalal Alwan Salman, Ahmad Sufian Bin Che Abdullah, Nor 'Azzah Binti Kamri	91-107

Journal of Contemporary Islamic Law
(2020) Vol. 5(2)

Editor-In-Chief
Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani
Co-Editor
Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary
Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor
Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad
Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad
Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad
Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah
Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin
Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

International Editor
Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi
Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abdur
Dr. Asman Taeali
Dr. Muhammad Yasir Yusuf
Dr. Ahmad Nizam
Dr. T. Meldi Kesuma
Sarjiyanto
Shinta Melzatia
Dr. Hamza Hammad
Dr. Nazlida Muhamad
Dr. Madiha Riaz
Dr. Naveed Ahmad Lone

Chief Managing Editor
Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor
Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor
Dr. Mohd Zamro Muda
Dr. Md. Yazid Ahmad

Editor
Dr. Mohammad Zaini Yahaya
Dr. Azlin Alisa Ahmad
Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:
Research Centre for Sharia,
Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:
Author, (2020), Title, Journal of Contemporary
Islamic Law, 5(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:
This work is licensed under a Creative Commons
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works
3.0 Unported License
(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).
You can download an electronic version online. You
are free to copy, distribute and transmit the work
under the following conditions: Attribution – you
must attribute the work in the manner specified by
the author or licensor (but not in any way that
suggests that they endorse you or your use of the
work); Noncommercial – you may not use this work
for commercial purposes; No Derivative Works – you
may not alter, transform, or build upon this work.